



**TEKS UCAPAN
YBHG DATO' SERI AZMAN BIN IBRAHIM
KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN KERJA RAYA**

SEMPENA

**PERHIMPUNAN BULANAN KEMENTERIAN KERJA RAYA
BAGI BULAN JANUARI DAN MAJLIS AMANAT TAHUN
BAHARU 2025**

**14 JANUARI 2025 (SELASA)
DEWAN TAN SRI MAHFOZ KHALID**

PENDAHULUAN

Assalamualaikum wrt. wbt.

Salam Sejahtera dan Salam Malaysia Madani,

1. Pertama sekali, saya ingin mengucapkan terima kasih dan penghargaan kepada Bahagian Pembangunan dan Penswastaaan, yang merupakan salah satu bahagian utama dalam menggerakkan pelaksanaan projek pembangunan infrastruktur di Kementerian Kerja Raya selaku penganjur bersama dalam menjayakan perhimpunan bulanan KKR pada bulan ini.

PENGUKUHAN INTEGRITI WARGA KKR

YB Menteri, YB Timbalan Menteri, warga KKR dan agensi sekalian,

2. Dalam menghadapi ekpektasi rakyat yang semakin tinggi, tata kelola yang baik, integriti yang tinggi, dan reformasi dalam cara kita bekerja adalah kunci utama untuk terus maju. Kita harus memberi idea dan inovasi baharu, mengelakkan budaya selesa dengan amalan kerja semasa, dan memastikan kelulusan projek dapat dipercepatkan serta meminimumkan kesilapan.
3. Selain itu, peningkatan kemahiran melalui latihan intensif dan kursus yang menyeluruh kepada semua pegawai dan kakitangan adalah nadi kepada pembangunan modal insan yang dituntut bagi menghadapi cabaran yang penuh dengan VUCA – *Volatility, Uncertainty, Complexity and Ambiguity*.

4. Untuk itu, KKR perlu sentiasa komited dalam usaha memperkukuhkan integriti dan ketelusan dalam setiap aspek tadbir urus serta pelaksanaan operasinya bagi memastikan pembangunan dan penyelenggaraan infrastruktur negara yang dirancang dapat dibuat dengan cekap, berkesan, dan berkualiti tinggi.

FOKUS DAN PENCAPAIAN TAHUN 2024

Warga Kerja Raya yang dihormati sekalian,

5. Secara keseluruhannya, dengan dedikasi dan komitmen setiap warga di KKR, JKR, CIDB dan LLM, **lima (5) inisiatif** yang telah dijadikan “***Pledge of Result***” di bawah **Kerangka Strategi Malaysia MADANI (KSMM)** Tahun 2024 telah berjaya dilaksanakan. Sukacita disini saya ingin berkongsi program-program yang telah memberi impak yang besar kepada penyediaan infrastruktur antaranya:
 - i) Membangunkan **Program MyJalan**, melalui pengukuhan aspek pengumpulan data bagi menambahbaik keberkesanan dan kecekapan pengurusan infrastruktur berfokuskan kesejahteraan rakyat. Sebanyak **17,157 jumlah aduan diterima** sejak permulaan kempen **MYJalan pada 1 Ogos 2023 hingga 29 Julai 2024** (selepas 1 tahun pelancaran). Daripada jumlah keseluruhan aduan yang diterima, sebanyak **5,178 aduan (30.18 peratus)** membabitkan jalan di bawah seliaan agensi KKR. Daripada **5,178 aduan milik KKR yang diterima**, sebanyak **4,772 (92.16 peratus) aduan telah diselesaikan** oleh agensi KKR;

- ii) Pada tahun 2023 hingga 2024, sebanyak **285 projek JKR telah mengadaptasi BIM**, yang meliputi **273 projek di peringkat pra pembinaan dan 12 projek di peringkat pembinaan**. Manakala, Program Pentauliahan Pensijilan BIM JKR pula telah menganugerahkan sebanyak **351 pensijilan kepada para pegawai JKR bagi mengiktiraf tahap pengetahuan dan kepakaran BIM** masing-masing;
- iii) Penyediaan tempat teduhan untuk penunggang motosikal merupakan inisiatif KKR/LLM di bawah program Bitara Madani, Kementerian Kerja Raya (KKR), untuk melindungi penunggang motosikal, yang merupakan golongan paling terdedah kepada risiko berteduh, semasa cuaca buruk. **LLM melalui syarikat konsesi telah mengenalpasti 119 lokasi tempat teduhan motosikal baharu**, di mana **40 lokasi telah siap pada tahun 2023**, manakala **79 lokasi lagi disediakan sepenuhnya pada Oktober 2024**;
- iv) CIDB telah **menaik taraf infrastruktur latihan di seluruh Akademi Binaan Malaysia (ABM)** yang merangkumi peralatan latihan seperti simulator, dron, *Augmented Reality (AR)* dan *Virtual Reality (VR)*. Ini adalah selaras dengan tema NCP2030, "Pendigitalan Sektor Pembinaan", dalam memastikan PdP (Pembelajaran dan Pengajaran) ke arah teknologi terkini yang menjurus kepada pendigitalan; dan
- v) **Pelancaran MAlert dan Highway Crisis Control And Command Centre (Hi4C)**. MAlert ialah inisiatif untuk meningkatkan keselamatan dan kecekapan pengurusan bencana di lebuhraya bertol dengan memastikan maklumat bencana sentiasa dikemas kini, membolehkan bantuan diurus secara efisien, mengurangkan kesesakan, dan meminimalkan

risiko kepada pengguna. LLM telah mengaktifkan *Highway Crisis Control and Command Centre (Hi4C)* untuk memantau insiden atau bencana di lebuhraya bertol, menyelaraskan tindakan pantas, serta menyebarkan maklumat tepat kepada pengguna.

FOKUS DAN HALA TUJU TAHUN 2025

YB Menteri, YB Timbalan Menteri dan hadirin sekalian,

6. Hala tuju KKR bagi tahun 2025 akan memfokus kepada memperkemaskan lagi mekanisme pelaksanaan program/aktiviti KKR mengambil kira peruntukan kewangan tahun 2025 sejajar dengan keperluan dasar semasa Kerajaan MADANI. Selari dengan Nilai Teras Malaysia MADANI iaitu Ihsan, Kementerian ini berpegang kepada konsep sektor pembinaan bukan sahaja berkaitan dengan pembinaan fizikal tetapi juga “***Humanising Engineering for the Betterment of Rakyat***” (Menginsaniakan Kejuruteraan Demi Kesejahteraan Rakyat).
7. Pada tahun ini, **KKR** akan membangunkan **Pelan Anti Rasuah Organisasi (OACP) 2026–2030** yang baharu bagi memastikan langkah pencegahan rasuah sentiasa relevan dengan cabaran semasa. Pelan ini akan dirangka dengan mengambil kira input daripada pelbagai pihak berkepentingan, termasuk warga Kementerian. Fokus utama pelan ini adalah untuk mengenal pasti semua risiko utama yang boleh mendorong kepada amalan rasuah serta memperkenalkan pelbagai langkah pencegahan yang efektif.
8. Dari sudut pembangunan modal insan, pelaksanaan **Skim Saraan Perkhidmatan Awan (SSPA) bermula 1 Disember 2024**

membuktikan keprihatian Kerajaan terhadap penjawat awam menerusi penambahbaikan skim dan pelarasan gaji serta pelbagai kemudahan demi menjaga kebajikan pekerja.

9. Bagi meningkatkan prestasi warga Kerja Raya, BPSM KKR pada tahun 2025 akan memfokuskan **pembangunan kompetensi** terutama dari segi *core business* KKR dan kepakaran teknikal. Lantikan baharu akan diberikan kursus kompetensi wajib yang merangkumi pengurusan projek dan pengurusan aset selain Kursus Asas Organisasi serta Program Transformasi Minda. Pegawai yang sedang berkhidmat juga akan diwajibkan untuk menghadiri *refreshment courses* yang merangkumi aspek pengurusan dan bidang teras KKR yang akan diadakan secara online dan fizikal.
10. Selain itu, pembangunan Roadmap Teknikal bagi kumpulan Pengurusan dan Profesional dan Pelaksana akan dibangunkan dengan kerjasama Cawangan Dasar dan Pengurusan Korporat JKR dan didokong oleh Ketua Disiplin masing-masing. Roadmap ini akan memfokuskan pembangunan kerjaya skim teknikal di KKR bermula dari lantikan awal, kompetensi yang diperlukan serta laluan naik pangkat yang lebih telus dan teratur.
11. Antara perkara yang juga akan menjadi fokus utama KKR bagi tahun 2025 dan tahun-tahun seterusnya adalah mempergiat, memperluas dan memperkemas **transformasi penyampaian perkhidmatan Kementerian melalui pendigitalan dalam pengurusan projek, pengurusan penyelenggaraan, pembangunan kapasiti dan budaya kerja, kelestarian dan kemampanan sektor binaan serta daya saing dan pengantarabangsaan**. Selain itu, fokus tersebut

bukan sahaja dengan memperluas penggunaan *Building Information Modeling* (BIM) dan *Industrialised Building System* (IBS) tetapi saya berharap tahun 2025 akan menjadi titik tolak adaptasi ***Modern Method Contruction (MMC)*** secara lebih menyeluruh.

12. Mulai Oktober lalu, Malaysia telah mengambil alih Kepengerusian ASEAN daripada Lao PDR dan sepanjang tahun ini Malaysia akan menjadi tuan rumah kepada pelbagai Mesyuarat dan program. Kementerian juga akan terlibat dalam pelbagai acara besar seperti Mesyuarat ke-12 ASEAN *Building and Construction Working Group* (BCWG), *ASEAN TVET Friendly* dan Penganjuran Minggu Pembinaan Antarabangsa (ICW 2025). Manakala di peringkat antarabangsa pula, KKR akan menyertai Ekspo Dunia OSAKA 2025, pada 6-15 Julai 2025. Penyertaan KKR merupakan penyertaan julung kalinya di peringkat World Expo dan saya menyeru semua agensi di bawah KKR ini memberikan komitmen yang tidak berbelah bahagi dalam mengetengahkan industri pembinaan di peringkat antarabangsa.
13. Dari sudut, penggubalan dasar baharu pula, terdapat dua (2) dasar baharu yang akan digubal dan dijangka dapat dilancarkan pada akhir tahun ini iaitu Dasar Senggara Aset Dan Infrastruktur Negara (DSAIN) dan Dasar Pembinaan Jalan Raya dan Lebuhraya (DPJL). Ini jelas memperlihatkan keterangkuman dan usaha seluruh warga KKR dalam memastikan ekosistem industri pembinaan diperkukuhkan secara holistik.
14. KKR juga telah mengambil langkah proaktif dengan membangunkan platform data raya yang akan menggabungkan 2 sistem iaitu sistem

dokumentasi yang dikenali sebagai *Centralised Construction Repository* (CRR) dan sistem data *National Centralised Construction Data Repository* (NCCDR). Platform data raya yang dijangka siap sepenuhnya pada tahun 2027 akan dikenali sebagai *National Construction Information Platform* (NCIP).

PENUTUP

YB Menteri, YB Timbalan Menteri, Ketua-ketua agensi dan hadirin sekalian,

15. Kejayaan kita adalah kejayaan bersama. Begitu jugalah dengan kegagalan. Kegagalan melaksanakan misi yang telah ditetapkan adalah kegagalan kita semua. Seperti tahun-tahun sebelum ini semua inisiatif atau usaha Kementerian memerlukan penglibatan, komitmen dan penyelarasan bukan sahaja daripada warga Kementerian ini malah memerlukan kerjasama kementerian dan agensi luar yang lain.
16. *Ladies and Gentlemen, Peter Drucker, the Co-Author of Managing For the Future stated “**The leaders who work most effectively, it seems to me, never say ‘I’. And that’s not because they have trained themselves not to say ‘I’. They don’t think ‘I’. They think ‘We’; they think ‘Team’. They understand their job is to make the team function. They accept responsibility and don’t sidestep it, but ‘We’ gets the credit. This is what creates trust, what enables you to get the task done.**”*

17. Akhir sekali, saya juga ingin menyarankan kerjasama dan komitmen yang padu daripada semua warga Kementerian dan agensi bagi mewujudkan sinergi, selari dengan konsep “**Whole of Government Approach**” dalam penyampaian perkhidmatan demi kesejahteraan rakyat secara lebih menyeluruh.
18. Sebagai mengakhiri ucapan saya, mari kita jadikan tahun 2025 sebagai tahun yang penuh dengan pencapaian cemerlang, di mana kita terus berkhidmat dengan penuh dedikasi dan tanggungjawab. Terima kasih atas segala usaha dan komitmen tanpa berbelah bahagi yang telah diberikan sepanjang tahun 2024. Semoga kita terus diberkati dan berjaya dalam mencapai matlamat negara.
19. Selamat Tahun Baharu 2025 dan Selamat Menyambut Tahun Baru Cina kepada yang menyambutnya pada akhir bulan Januari.

Sekian, terima kasih.
